

30/06/2001

Kebakaran dewan UM disyaki angkara khianat (HL)

Mohd Azis Ngah; Tuan Nazuri Tuan Ismail

KUALA LUMPUR, Jumaat - Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya (UM), yang menyaksikan beribu-ribu graduan menerima ijazah mereka sejak 35 tahun lalu, musnah dalam kebakaran awal pagi ini, disyaki akibat perbuatan khianat.

Kejadian pada jam 3.45 pagi itu menyebabkan lebih 90 peratus dewan yang dibina pada 1964 itu musnah. Seluruh bumbungnya rentung dan bangunan itu hanya tinggal rangka.

Kerugian dianggarkan RM12.4 juta. Turut musnah ialah kira-kira 1,800 jubah dan 2,000 topi akademik, yang digunakan graduan universiti tertua di Malaysia itu pada hari konvokesyennya. UM dijadualkan mengadakan konvokesyen ke-37 pada 1 hingga 8 Ogos ini.

Kebakaran itu disyaki akibat perbuatan khianat berikutan penemuan beberapa risalah yang membantah kehadiran beberapa pemimpin menghadiri Simposium Kepimpinan Hala Tuju Pelajar, di universiti itu esok.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijadual merasmikan simposium itu, manakala majlis penutupan akan dilakukan Datuk Seri Dr Mahathir Mahathir, Ahad ini.

Risalah bantahan terhadap simposium yang akan disertai 3,000 pelajar dari 15 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS), dipercayai diedarkan di sekitar kampus UM malam tadi.

Perdana Menteri ketika diminta mengulas kejadian itu tidak menolak sebarang kemungkinan kerana memang ada kecenderungan di kalangan pelajar institut pengajian tinggi (IPT) untuk terbabit dalam kegiatan bercorak militan.

"Kita lihat ada mirip ke arah itu (militan)... seolah-olah mereka pergi ke universiti bukan untuk belajar, tetapi untuk ambil bahagian dalam kegiatan yang tidak ada kaitan sama sekali dengan pelajaran," katanya kepada pemberita di Butterworth.

Puteri Umno pula mendesak Naib Canselor UM, Datuk Dr Anuar Zaini Mohd Zin, meletak jawatan kerana didakwa gagal menjalankan tugas sehingga menyebabkan imej UM tercemar.

Memorandum desakan itu diserahkan Ketua Puteri Umno, Azalina Othman Said kepada Dr Anuar selepas sidang akhbar mengenai kebakaran Dewan Tunku Canselor itu.

Pengerusi Yayasan Pergerakan Wawasan, Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik, selaku penganjur simposium itu, mendakwa perbuatan khianat itu bertujuan menggagalkan simposium berkenaan.

Bagaimanapun, Rahim enggan menjelaskan kandungan risalah berkenaan dan mengatakan risalah itu diserahkan kepada polis untuk siasatan.

Beliau percaya perbuatan itu membabitkan pihak luar yang cuba menjadikan pelajar alat menjayakan hasrat mereka.

Katanya, simposium itu akan diteruskan mengikut jadual, tetapi lokasinya dipindahkan ke Dewan Perdana Siswa, bersebelahan Dewan Tunku Canselor.

Sementara itu, polis menubuhkan unit siasatan khas diketuai Pemangku Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Bandaraya, Asisten Komisioner Hadi Ho Abdullah, bagi mengkaji semua aspek kejadian itu.

Pasukan itu dianggotai pegawai polis, Jabatan Bekalan Elektrik, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Jabatan Kimia. Petang ini, mereka mengambil beberapa contoh di tapak kebakaran untuk dianalisis.

Dewan Tunku Canselor dinamakan sempena Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra dan dirasmikan pada 25 Jun 1966 dengan 2,025 pelajar

sesi 1964/65 menerima ijazah.

Kira-kira 5,800 bakal graduan akan menghadiri majlis konvokesyen ke-37 bulan depan bermula 1 hingga 8 Ogos di dewan itu yang mampu memuatkan kira-kira 3,000 orang.

Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Wilayah Persekutuan, Abdul Shukor Mohamed Rashid, berkata pihaknya menerima panggilan pengawal keselamatan pada jam 3.45 pagi.

Berikutan itu, lima kereta bomba dan penyelamat iaitu satu dari balai bomba Pantai, tiga dari Jalan Hang Tuah dan satu dari Jalan Klang Lama bersama 30 anggota berkejar ke tempat kejadian.

Bomba mengawal api daripada merebak ke seluruh bangunan itu dalam masa 15 minit dan kebakaran dipadam sepenuhnya kira-kira jam 5 pagi. Tidak ada sebarang kecederaan dilaporkan.

Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Jamil Johari ketika ditemui di tempat kejadian berkata, polis sedang menyiasat punca kejadian termasuk kemungkinan akibat perbuatan khianat.

"Kami masih menyiasat punca kebakaran itu, termasuk kemungkinan perbuatan khianat. Punca sebenar akan diumumkan apabila laporan siasatan kes siap sepenuhnya," katanya.

Dr Anuar, berkata jumlah kerugian dianggarkan lebih RM12.4 juta termasuk kerosakan 3,000 kerusi yang siap diatur sempena simposium, esok.

Katanya, konvokesyen UM tahun ini ditangguhkan ke satu masa dan tempat yang masih belum ditetapkan.

"Konvokesyen mungkin akan diadakan dua kali secara berperingkat bagi membolehkan urusan jubah dan kesesuaian tempat yang akan dipilih. Bakal graduan sudah dimaklumkan mengenai perkara itu," katanya.

Tinjauan mendapati bumbung dewan berkenaan runtuh dan menghempap sebahagian besar kerusi yang disusun sempena simposium esok. Selain itu, pengawal keselamatan UM mengadakan kawalan ketat di sekitar kawasan itu bagi menghalang pelajar menghampiri bangunan berkenaan.

Ketika sidang akhbar diadakan di bangunan Canselori berhampiran dewan itu, sekumpulan pelajar berkumpul di tepi bangunan bagi mengikuti sidang berkenaan, tetapi dihalang oleh pengawal keselamatan.

(END)